

10 AUG 1997

Siladjzik-tiba

SILADJZIK TIBA UNTUK LAWATAN LIMA HARI

KUALA LUMPUR, 10 Ogos (Bernama) -- Pengerusi Bersama Majlis Menteri-menteri Bosnia and Herzegovina, Dr Haris Siladjic tiba di sini hari ini untuk lawatan rasmi selama lima hari atas jemputan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed.

Ketibaan beliau yang diiringi oleh Menteri Perdagangan Luar, Hasan Muratovic di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di sini disambut oleh wakil khas Perdana Menteri Tan Sri Ahmad Kamel Jaafar dan Duta Malaysia ke Bosnia, Rastam Mohd Isa.

Pengerusi Bersama Majlis Menteri negara Balkan itu yang satu lagi, Boro Botic akan tiba kemudian, atas misi yang sama.

Lawatan mereka adalah untuk mengukuhkan hubungan dua hala antara kedua-dua negara.

Malaysia menganggap lawatan ini amat penting kerana ia merupakan kunjungan rasmi kali pertama Pengerusi Bersama Majlis itu ke luar negara.

Ketika di sini, Siladjic dan Botic akan melawat Unit Perancang Ekonomi (EPU) di Jabatan Perdana Menteri, Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia dan Lapangan Terbang antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang yang sedang dalam pembinaan.

Sebelum itu mereka akan mengadakan perbincangan dua hala dengan Dr Mahathir dan mengadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar.

Mereka juga akan berucap mengenai perkembangan semasa di Bosnia and Herzegovina pada satu majlis anjuran Institut Diplomasi dan Hubungan Luar selain menemui wakil-wakil sektor swasta dari Malaysia. -- BERNAMA

NHD WAT